

'Orang dalam' dipercayai bantu godam sistem

Kuala Lumpur: Sistem pangkalan data Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) tidak mungkin dapat digodam tanpa pembabitkan 'orang dalam' serta bekas kakitangan jabatan itu yang dibuang kerja sebelum ini.

Perkara itu didedahkan Ketua Pengarah JIM, Datuk Khairul Dzaimie Daud susulan kejayaan pihaknya bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menumpaskan sindiket pemalsuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) palsu kelmarin.

Sindiket itu yang didalangi seorang lelaki bergelar Datuk mengakibatkan kerugian ber-



AZAM

atus juta ringgit kepada kerajaan.

Beliau berkata, pihaknya yakin kegiatan haram berke-

naan didalangi bekas kakitangan jabatan itu yang sudah berhenti dari perkhidmatan sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, JIM juga percaya wujud pembabitkan pegawai dan kakitangan jabatan itu yang masih berkhidmat walaupun tangkapan belum dilakukan pasukan khas ditubuhkan setakat ini.

"Kami percaya bekas kakitangan JIM mempunyai maklumat berhubung sistem PLKS dan bersekongkol dengan sindiket ini untuk menggodam sistem yang boleh mencetak PLKS palsu," katanya.

Beliau berkata, siasatan pi-

haknya mendapati sindiket meletakkan *router* (alat penghala) di lobi dan komputer pegawai di JIM bagi menggodam pangkalan data.

"Router ini berfungsi bagi membolehkan kata laluan khas pegawai JIM digodam," katanya ketika ditemui dalam sidang media di Pejabat SPRM Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki.

Menurut Khairul Dzaimie, walaupun berjaya menggodam sistem PLKS JIM, sindiket berkenaan masih belum berjaya menukar status se-

narai hitam warga asing bagi membolehkan mereka bekerja kembali di negara ini.

Sementara itu, Azam berkata, jumlah keseluruhan siasatan membabitkan sindiket ini bernilai RM25.5 juta merangkumi wang tunai, kereta dan jam tangan mewah serta rumah.

Beliau berkata, SPRM juga membekukan 147 akaun milik 30 individu dan 11 syarikat dengan nilai RM9.9 juta.

"Jumlah tangkapan masih kekal lima suspek termasuk seorang bergelar Datuk berusia 33 hingga 43 tahun di Kuala Lumpur dan Sungai Petani, Kedah.